

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan:
Duta Sosial & Kebajikan**
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara
PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis
Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai:
Dari Segamat ke England**
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets
Online Databases**
PTAR Kedah - muka 33



LAWATAN DARIPADA TENAGA PENGAJAR KOLEJ VOKASIONAL MUADZAM SHAH PAHANG 6 JANUARI 2022

Disediakan oleh: Roshairi Che Razali



Pada 6 Januari 2022 (Khamis), Perpustakaan Al-Bukhari telah menerima lawatan tenaga pengajar dari Kolej Vokasional Muadzam Shah, Pahang. Lawatan ini bertujuan untuk membuat pencarian bahan pembelajaran berkenaan perkayuan sebagai rujukan untuk pengajaran.

Dalam sesi lawatan ini, Pustakawan Kanan di Perpustakaan Al-Bukhari, Encik Fadhli bin Samsudin, telah memberi taklimat dan membantu dalam proses pencarian bahan yang dikehendaki. Selain pencarian bahan bagi pembelajaran, semua tenaga pengajar dari Kolej Vokasional Muadzam Shah ini telah mendaftar sebagai ahli luar Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka.

Dengan Pendaftaran sebagai ahli luar ini, secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada tenaga pengajar Kolej Vokasional Muadzam Shah tersebut dalam mendapatkan khidmat nasihat serta kaedah pengurusan, kemudahan dan perkhidmatan yang berkesan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka.

Lawatan ini melibatkan seramai 6 orang tenaga pengajar. Hasil lawatan ini dapat menyokong SDG 4: Quality Education serta SDG 17: Partnerships to achieve the Goal yang mana memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

